



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 1 NOVEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	'CHICKEN PRICE MAY DROP BELOW RM9.40 PER KG', NATION, THE STAR -6 MEASURES SUGGESTED POST-CHICKEN SUBSIDY, NEWS, THE SUN -3 CARI KADEDAH TERBAIK BANTU PENTERNAK KECIL, SEDERHANA, LOKAL, HM -7 TUBUH PASUKAN KHAS ELAK PENYELEWENGAN, NAIK HARGA, LOKAL, HM -7 AYAM TAK HABIS JUAL, LOKAL, HM -6 PENIAGA TIDAK HADAPI MASALAH DAPAT BEKALAN, LOKAL, HM -6 TIDAK ADA PEMBELIAN PANIK DI KELANTAN, LOKAL, HM -6 PANTAU SELURUH SISTEM, LOKAL, HM -6 HARGA AYAM DIJANGKA KEKAL, DALAM NEGERA, UM -1 & 2 MAT SABU AKUI SUKAR HAPUS PERANAN ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -4 PENGELUARAN AYAM DIJANGKA MENYUSUT, DALAM NEGERI, UM -6 PENAMATAN DRASTIK SUBSIDI CETUS KETIDAKSTABILAN HARGA, DALAM NEGERI, UM -6 PEMBORONG JANGKA HARGA AYAM RM11 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -6 'MASA TIDAK SESUAI APUNG HARGA AYAM', NEGARA, KOSMO -7 JANGAN RISAU HARGA TIDAK NAIK, AYAM BANYAK - PENIAGA, NEGARA, KOSMO -7 HARGA AYAM DI JOHOR KEMBALI PARAS SILING, NASIONAL, BH -7 PANTAU PENGELUARAN, PEMBEKALAN PASTIKAN TIADA AKTIVITI PERCATUTAN, NASIONAL, BH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
18.	CUBAAN SELUDUP SOSEJ BABI GAGAL, PADANG TERAP, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19. 20. 21.	DANA AGROBANK PASTIKAN BEKALAN HARGA AYAM STABIL, BISNES, BH -25 AGROBANK SEDIA DANA BANTU PENTERNAK TAMBAH BEKALAN, NASIONAL, SH -20 AGROBANK SEDIA DANA RM350,000, BISNES, HM -27	AGROBANK
22.	PETANI PERAK RUGI LEBIH RM287,00 AKIBAT RIBUT, BANJIR, NEGERI PERAK, SH -25	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

'Chicken price may drop below RM9.40 per kg'

SERDANG: The price of chicken can be much lower than the previously set controlled price of RM9.40 per kg, even after subsidies and price control are discontinued from today, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The acting Domestic Trade and Cost of Living Minister said industry players had assured the government that there would not be a surge in chicken price.

"After implementing it for 20 months, we see that with the industry's assurance, we can float the price of chicken. The industry players have also guaranteed that the supply will be sufficient and they are able to sell it at a lower rate than the controlled price," he told reporters after launching the

Malaysia Competition Commission (MyCC) Open Day here yesterday, Bernama reported.

Earlier, the government had set the ceiling price for chicken at RM9.40 per kg. Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced on Monday that the government had agreed that subsidies and price control for chicken would be fully terminated starting today, while subsidies and price control for grade A, B and C eggs would remain according to the existing mechanism.

Mohamad said the rationale for ending subsidies in bulk for chicken is to reduce subsidy leakage which has been enjoyed by foreigners and the high-income group.

Measures suggested post-chicken subsidy

► Govt should check on profiteering, monitor supply chain and provide cash aid where necessary: Economist

KUALA LUMPUR: The government should closely monitor production, supply, wholesale and retail distribution systems to ensure no bottlenecks and profiteering occur in the market following the discontinuation of the chicken subsidy with effect from today.

Sunway University economics professor Prof Yeah Kim Leng said the government could promote agro-bazaars and Rahmah stores to avoid shortage and ensure prices are affordable to low-income groups.

"Where price increases are justifiable, it is appropriate for the government to provide cash aid for low-income households to mitigate the rise in living costs.

"It is heartening to note that industry

players have given their commitment that there will be adequate supply and price increases will be fair and not too drastic."

He said ensuring competition and promoting greater economies of scale and higher efficiency and productivity among producers and suppliers is key to cheaper chicken and egg prices for consumers.

However, Yeah said since the poultry industry and overall supply and demand will be driven by market forces, consumers should expect market prices to fluctuate like other consumer goods and services in a market economy.

He also said producers would be motivated to produce more in response to higher prices, and the increased supply and competition would help lower prices,

Bernama reported.

"In short, government subsidies have done their job of stabilising prices. By allowing prices to adjust freely, the poultry firms would be able to cope with normal fluctuations in input costs and adjust production and selling prices according to market demand and supply."

He said aside from burdening the government and taxpayers, prolonged subsidies inevitably result in industry inefficiencies, over or underproduction and consumption, and undesirable behaviour such as hoarding and smuggling.

Meanwhile, honorary professor at the Universiti Malaya Faculty of Business and Economics Prof Dr Mohd Nazari Ismail is of the view that the measures taken by the government are necessary to reduce its financial burden.

He said the government had to borrow money and pay interest on the loan to cover the chicken subsidy, which ultimately resulted in burdening the people.

PENAMATAN SUBSIDI AYAM

Cari kaedah terbaik bantu penternak kecil, sederhana

Alor Setar: Kerajaan di- gesa mencari kaedah ter- baik untuk membantu penternak kecil dan seder- hana menghadapi kos input yang tinggi beriku- tan keputusan kerajaan menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam mulai hari ini.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi) Mazlina Kamaru- din berkata, perkara itu perlu untuk membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus bertahan dalam bidang penternakan ayam.

"Buat masa ini, bekalan ayam stabil dan mungkin sedikit melebihi permin- taan dengan adanya sub- sidi yang disuntik kera- jaan serta kemasukan ayam import.

"Bagaimanapun, kita ti-

dak dapat jamin sama ada penternak akan menge- kalkan jumlah pengelu- ran ayam semasa beriku- tan pemansuhan subsidi bermula bulan depan.

"Kos seperti harga anak ayam kekal tinggi, lusteru, tanpa subsidi, penternak perlu menanggung semua kos input yang tinggi," ka- tanya dihubungi, sema- lam.

Mazlina berkata, pihak- nya berharap pembekal akan mampu mengekal- kan jumlah pengeluaran selepas kerajaan mengha- puskan subsidi.

Pada masa sama, kata- nya, kerajaan perlu meng- elak daripada menetapkan harga siling ayam semasa musim perayaan atau ke- tika permintaan tinggi ke- rana ia akan menjejaskan margin penternak.

"Ini kerana, penguat-

Kuala Lumpur: Kerajaan (NGO) disaran memantau pa- sukan khas memantau se- cara dasar pengeluaran dan penjualan ayam bagi mengelak penyelewengan hingga berlaku kenaikan harga mendadak selepas kerajaan menamatkan pemberian subsidi secara sepenuhnya hari ini.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (Cassa) Dato Seri Dr Jacob George ber- kata, beliau bersetuju de- ngan usaha kerajaan yang mengurangkan ketirisan subsidi, namun berpen- dapat ia perlu diselaras- kan dengan penubuhan pasukan khas yang diang- gotai beberapa pihak.

Menurutnya, pasukan berkenaan bukan saja membabitkan pihak kera- jaan dan agensinya tetapi perlu disertai pihak lain seperti pakar dan badan

bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai rekod prestasi dalam hal ke- penggunaan.

"Kenaikan (harga ba- rang) tidak dinafikan dan ia adalah realiti kerana si- tuasi ekonomi ketika ini termasuk mempunyai kos operasi dan sebagai- nya tetapi dengan penu- buhan pasukan ini ia da- pat memantau supaya si- tuasi itu tidak terlalu me- lampau.

"Ini penting untuk kita pantau setiap hari terma- suk melihat harga jualan. Mereka ini (task force) perlu melihat harga dan turun padang setiap masa dengan bergerak secara 'senyap' untuk mengelak- kan harga naik menda- dak.

"La sekali gus dapat mengelak berlaku penye- lewengan, wujudnya kar- tel dan orang tengah yang

ambil kesempatan. Pasu- kan khas seperti ini sudah dilakukan di negara se- perti Kanada, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, Indonesia dan Vietnam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ketua Pusat Pilihan Pengguna Malaysia, Tarmizi Anu- war berkata, pengguna ti- dak sepatutnya risau har- ga bekalan akan naik ke- rana pengapungan harga ayam akan mewujudkan harga yang lebih kompe- titif di pasaran.

Katanya, subsidi atau kawalan harga ayam bo- leh menyebabkan pening- katan mendadak dalam permintaan yang mung- kin sukar dipenuhi oleh pengeluar dan ia mewu- jutkan ketidakselarasan antara harga ayam di pa- saran dan kos pengelu- ran ayam.

Tubuh pasukan khas elak penyelewengan, naik harga

Ayam tak habis jual

Tiada permintaan luar biasa walau subsidi ayam tamat hari ini

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada pembelian panik sekitar Lembah Klang dan bekalan ayam juga tidak berkurangan selepas kerajaan mengumumkan menamatkan sepenuhnya subsidi dan harga kawalan bagi bahan mentah itu bermula hari ini.

Tinjauan di beberapa lokasi seperti pasar basah Chow Kit, kedai runcit juga mendapati bekalan bahan mentah itu masih banyak dengan harga jualan antara RM9 sehingga RM9.40 sekilogram apabila masih dijual di bawah dan sama harga siling yang ditetapkan sebelum ini iaitu RM9.40.

Pekerja gerai ayam dikenali sebagai Aiman, 28, berkata, dia membuka gerai sejak jam 5 pagi dan sehingga kini kehadiran pelanggan sama seperti hari biasa, biarpun pada mulanya dia turut menyangka akan ada peningkatan pelanggan semalam.

Menurutnya, ayam bulat segar dijual pada harga RM9 sekilogram berbanding



TINJAUAN harga ayam di Pasar Chow Kit, semalam.

ding sebelum ini RM9 hingga RM9.40 kerana semalam mereka mendapat harga murah daripada pembekal RM7 sekilogram.

"Saya tahu subsidi ayam sudah ditarik balik dan jangka hari ini akan ramai orang beli ayam tetapi setakat jam 10.30 pagi pelanggan masih membeli dalam bekalan biasa hanya seekor atau dua ekor saja, manakala pemilik kedai memang juga membeli dalam jumlah sama iaitu 10

hingga 20 ekor saja.

"Ayam juga masih banyak dan kalau diikutkan harga ayam memang murah berbanding minggu lalu tetapi untuk esok kami belum tahu lagi berapa pembekal jual dan barulah kami letak harga dengan mengambil kira kos lain juga," katanya.

Penjual ayam, Anuar, 24, berkata, dia masih menjual ayam dengan harga RM9.40 kerana mengambil

kira semua kos termasuk pengangkutan dan harga jualan daripada pembekal namun mengakui mereka tidak menaikkan harga sesuka hati.

"Setakat ini semua terkawal dan tiada pembelian panik, malah bekalan ayam yang diambil juga sama tidak ditambah tetapi ramai pelanggan tanya berapa harga jualan ayam untuk esok tetapi kami tak boleh jawab kerana perlu tunggu esok (hari ini)," katanya.

Peniaga tidak hadapi masalah dapat bekalan

Seremban: Langkah kerajaan menarik subsidi ayam bermula hari ini dijangka tidak menyebabkan harga ayam melonjak naik secara mendadak sebaliknya kekal pada paras biasa.

Pembekal ayam, Zulfadzi Johari, 49, dari Paroi, di sini, berkata, ketika ini rata-rata peniaga menjual ayam di bawah paras kawalan harga yang ditetapkan iaitu RM9.40 untuk sekilogram (kg).

"Saya menjangkakan harga ayam tidak akan naik mendadak selepas kerajaan menarik subsidi kerana ketika ini harga ayam terkawal, malah ramai peniaga menjual kerana kuantiti ayam banyak dan mudah mendapatkan bekalan."

Zulfadzi Johari

Saya menjangkakan harga ayam tidak akan naik mendadak selepas kerajaan menarik subsidi kerana ketika ini harga ayam terkawal"

mencukupi selain tiada faktor boleh menyebabkan berlaku kenaikan.

Menurutnya, peniaga lebih selesa untuk menjual pada harga sekarang kerana kuantiti ayam banyak dan mudah mendapatkan bekalan.

"Saya yakin kesan penamatan subsidi ini tidak akan dirasakan dalam tempoh jangka masa terdekat tapi sekiranya ada kenaikan harga, ia mungkin tidak akan mencapai lebih RM10 untuk sekilogram ayam," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Peniaga, Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan, Mohamad Yusoff berharap penarikan subsidi ayam tidak dijadikan lesen oleh peniaga untuk menaikkan harga sehingga membahayakan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah.

Tidak ada pembelian panik di Kelantan

Kota Bharu: Tiada pembelian panik membabitkan ayam standard di negeri ini susulan pengumuman kerajaan akan menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi bekalan itu bermula hari ini.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini, semalam mendapati pelanggan membeli ayam seperti biasa.

Peniaga, Mohd Anwari Zulkefli, 34, berkata pelanggan datang ke kedainya seperti biasa untuk membeli ayam sama ada secara borong pada harga RM7.50 sekilogram dan runcit RM8 sekilogram.

Menurutnya, dia juga mendapati pelanggan tidak panik apabila mereka membeli bekalan seperti sebelum ini walaupun kerajaan akan menamatkan pemberian subsidi harga ayam bermula hari ini.

"Setakat ini ayam dijual dengan harga biasa dan



MOHD Anwari melayan pelanggan yang membeli ayam di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, semalam.

mungkin esok (hari ini) juga harga seperti hari ini. Berikutan itu tidak ada pembelian secara panik.

"Hari ini (semalam) saya dapat jual 400 ekor ayam seperti sebelum ini," katanya yang menjual ayam sejak lebih 10 tahun lalu.

Peniaga ayam lain Rosmini Mohd Hanafi, 45, berkata tidak berlaku pembelian panik di kedainya dan pengunjung yang datang adalah pelanggan tetap.

"Tidak ada tambahan pelanggan hari ini (semalam), malah jualan adalah seperti biasa dan ayam yang saya jual tidak habis. Ini menunjukkan tidak ada pembelian panik."

"Sebagai peniaga, saya harap harga ayam tidak naik kerana ia akan menjejaskan kedatangan pelanggan. Jika harga naik mungkin pasar ini akan jadi lebih sunyi kerana orang tidak ada duit untuk membeli," katanya.

Pelanggan, Mohd Asyraf Mohd Arif, 21, berharap harga ayam tidak naik dan dijual seperti biasa walaupun kerajaan akan memamatkan pemberian subsidi, hari ini.

"Jika harga ayam naik, ia akan memberi kesan kepada saya dan rakyat yang lain berikutan kos hidup pada masa ini agak tinggi."

"Harga terkini pun saya rasa dah tinggi, kalau naik lagi ia akan membahayakan termasuk meningkatkan belanja dapur," katanya.

Pantau seluruh sistem

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memantau dengan teliti keseluruhan sistem pengeluaran, pembekalan, pemborong dan peruncit untuk memastikan tiada sebarang masalah dan aktiviti pencatutan dalam pasaran berikutan penamatan subsidi ayam hari ini.

Profesor ekonomi di Sunway University Profesor Yeah Kim Leng berkata kerajaan boleh mempromosikan agro bazar, kedai Rahmah dan kedai runcit untuk menjamin tiada kekurangan bekalan dan harga sumber protein itu berpatutan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kenaikan harga adalah wajar, namun lebih sesuai jika kerajaan dapat menyediakan bantuan tunai kepada isi rumah berpendapatan rendah bagi mengurangkan kenaikan kos sara hidup."

"(Bagaimanapun) pemain industri telah memberikan komitmen bahawa bekalan ayam mencukupi dan kenaikan harga adalah wajar dan tidak terlalu drastik, itu khabar gembira," katanya.

Yeah berkata memastikan persaingan dan menggalakkan skala ekonomi yang lebih besar serta kecekapan dan produktiviti yang tinggi dalam kalangan pengeluar dan pembekal ialah kunci utama kepada harga ayam dan telur yang lebih murah.

Bagaimanapun, beliau berkata memandangkan industri penternakan serta penawaran dan permintaan keseluruhan akan didorong oleh kuasa pasaran, pengguna harus menjangkakan harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi pasaran.

Walaupun subsidi ditamatkan, bekalan stabil dan mencukupi

Harga ayam dijangka kekal

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **NURUL IRDINA SUMALIH**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepe-
nuhnya bermula hari ini diramal
tidak akan menyebabkan harga
meningkat dengan mendadak.

Ini kerana bekalan ayam se-
masa adalah stabil dan keputu-

san mengapungkan harga ayam
akan membolehkan kumpulan
penternak bersaing dan berino-
vasi untuk memastikan harga
ayam tidak terlalu mahal tetapi
mereka tetap dapat keuntungan
maksimum.

Bercakap kepada *Utusan*
Malaysia, Pengerusi Penternak
Ayam Negeri Selangor (PPANS),
Idrus Zainal Abidin berkata,
pengapungan harga ayam itu

tetap perlu dilaksanakan bagi
mengawal ketirisan subsidi yang
dihadapi sekarang.

“Pengapungan harga ayam
ini perlu dibebaskan, biarlah
harganya balik kepada asal.
Tidak perlu risau dengan kenai-
kan harga ayam, sebab semua
akan bergantung kepada pasa-
ran,” katanya ketika dihubungi
semalam.

Pengarah Institut Pertanian

Tropika dan Sekuriti Makanan
(ITAFoS), Universiti Putra Ma-
laysia (UPM), Prof. Datuk Dr.
Zulkifli Idrus pula berkata, kri-
sis ketiadaan bekalan ayam se-
belum ini berpunca daripada
penetapan harga siling.

Menurut beliau, penetapan
harga itu menyebabkan banyak
penternak tidak dapat meraih
keuntungan ekoran kenaikan
harga operasi sehingga memak-

sa mereka ‘gulung tikar’ lalu
memberi kesan pada pasaran.

“Sekarang ini saya percaya
apabila tiadanya harga siling,
saya yakin tidak ada isu dengan
bekalan ayam. Sebab sebelum ni
disebabkan keuntungan diper-
oleh sangat sedikit, ada penter-
nak kecil-kecilan terpaksa tutup
ladang.

Bersambung di muka 2

1/11/2023

UTUSAN

DALAM

2

MALAYSIA

NEGERI

Harga ayam dijangka kekal

Dari muka 1

"Jadi apabila tiada lagi kawalan harga tersebut, saya percaya tidak timbul isu mengenai bekalan bahan makanan utama tersebut. Ini kebaikan daripada keputusan kerajaan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, kerajaan mengambil keputusan itu kerana ia dilihat selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa.

Namun, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C tetap diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Bagaimanapun, Dr. Zulkifli berkata, wujud kebimbangan sekiranya harga ayam naik dengan mendadak lalu memberi kesan kepada penggunaan susulan harga bagi bahan makanan tersebut tidak lagi dikawal oleh kerajaan.

"Sebab sekurang harga input sudah kurang iaitu harga kacang soya sudah mula turun jadi saya percaya harga tidak akan naik dengan mendadak tetapi sekiranya berlaku oleh kerana kos pengeluaran meningkat, saya cadang kita beri bantuan bersasar pada pengguna.

"Iaitu lebih satu harga yang mungkin nanti kerajaan boleh tentukan, kerajaan boleh beri bantuan bersasar tersebut contohnya pada kumpulan B40," katanya.

Sementara itu, Felo Perunding, Laboratori Kajian Polisi Pertanian dan Makanan, UPM, Prof. Datin Dr. Fatimah Mohamed Aishad berkata,



SEBAHAGIAN daripada peniaga ayam di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUTRA HAIRY ROSLI

keputusan tersebut akan membolehkan kumpulan peniaga bersaing dan berinovasi untuk memastikan harga ayam tidak terlalu mahal tetapi mereka tetap mendapat keuntungan maksimum.

"Ini akan menggalakkan industri ayam negara kita berkembang dengan lebih maju, malah akan membantu jumlah pengusaha-pengusaha kecil semakin ramai lalu membantu industri tersebut menjadi lebih dinamik," katanya.

Dr. Fatimah berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) perlu bertindak proaktif dengan memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan terhadap keputusan tersebut dengan menaikkan harga dengan terlalu mendadak.

Katanya, kerajaan juga perlu merencanakan platform rangkaian bekalan digital bagi memastikan pemain-pemain utama dalam sekuriti makanan negara dapat berkembang dan

meneroka perkara baharu. "Kita boleh hasilkan sebuah aplikasi atau web untuk mereka, jadi sudah pasti mereka seronok kerana ada pasaran baharu untuk mereka jual hasil pengeluaran mereka. Langan beri pada pihak ketiga kerana keuntungan untuk golongan petani dan penanam ni akan berkurangan," ujarnya.

Bagaimanapun, ramai juga yang menyatakan kebimbangan langkah kerajaan itu akan menyebabkan kenaikan harga ayam di pasaran.

Peniaga ayam di Kuala Terengganu, Abdul Rashid Abdullah pula berkata, kebanyakannya peniaga telah dimaklumkan oleh pemborong mengenai kemungkinan berlaku kenaikan harga ayam segar bermula 1 November ini.

"Saya difahamkan harga ayam dijangka meningkat sehingga RM2 sekilogram selepas ini berikutan keputusan menamatkan subsidi ayam," ujarnya.

1/11/2023

UTUSAN

DALAM

4

MALAYSIA

NEGERI

Mat Sabu akui sukar hapus peranan orang tengah

PETALING JAYA: Kerajaan mengakui amat sukar menghapuskan peranan orang tengah yang sudah menjadi sebahagian daripada rantaian dalam dalam sektor pertanian dan bekalan makanan sejak sekian lama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, hal ini kerana koperasi pertanian yang wujud tidak mampu memainkan peranan penting untuk mengurangkan peranan orang tengah dalam masyarakat.

"Peranan orang tengah bukan perkara baharu. Jadi nak buang sekali gus orang tengah bukan perkara senang dan koperasi boleh memainkan peranan tetapi koperasi kita yang berjaya terlalu sedikit.

"Penubuhan saja banyak tapi bila menjalankan kerja-kerja koperasi kadangkala terkandas di tengah jalan," katanya di Dewan Rakyat, menjawab soalan tambahan **Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap).**

Terdahulu, Nurul Amin bertanyakan terhadap peranan koperasi pertanian dalam usaha mengurangkan peranan orang tengah dalam sektor berkenaan serta rantaian bekalan makanan



MOHAMAD SABU ketika menjawab soalan dalam sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri di persidangan Dewan Rakyat, semalam. -
JABATAN PENERANGAN

yang menyebabkan kenaikan harga barang dan inflasi.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, agensi bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan giat melaksanakan mekanisme untuk mengukuhkan peranan masing-masing dalam mengurangkan peranan mereka.

Menurutnya, pihak kementerian juga berusaha untuk mengukuhkan peranan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan koperasi pertanian bagi membantu para petani.

"Nak hapuskan memang susah tapi sekurang-kurangnya kita dapat kurangkan peranan mereka," katanya.

1/11/2023

UTUSAN

DALAM

6

MALAYSIA

NEGERI

Pengeluaran ayam dijangka menyusut

Oleh JAMILAH ABDULLAH
Harian Utusan Malaysia

ALOR SETAR: Bekalan ayam dijangka berkurangan dalam tempoh setahun akan datang ekoran sikap berhati-hati untuk memastikan anak ayam ke la-ladang masing-masing susulan langkah kerajaan mengupayakan harga sumber protein itu.

Pengarah Utusan Ayam Negeri Kedah, Yusoff Yusoff, berkata, situasi itu berkemungkinan berlaku awal Disember ini kerana penanam kecil dan sederhana masih bergelut dengan kos ternakan yang tinggi.

Katanya, meskipun akur dengan harga ayam, petani ayam negeri namun kesan yang membina-bangkan sehingga boleh merangsang kepada perubahan harga tidak dapat dielakkan berkaitan kos anak ayam dan dekad yang hanya dua minggu lagi menjelang.

"Apabila kos meningkat dan kalendar kerajaan tidak masuk campur terutama dengan harga anak ayam dikuasai oleh ketetapan besar, penanam kecil dan sederhana ini akan terpaksa berfikir untuk mencari alternatif untuk mengurangkan kos ternakan ayam di ladang, jadi pengeluaran ayam akan terjejas.



PELADANG: penanam, pemborong, peruncit dan pengguna sukar menjangkakan apa yang akan berlaku dalam tempoh terdekat selagi kerajaan memajukan subsidi ayam berkuat kuasa hari ini.

Datuk Seri Mohamed Sabu, rasionalisasi daripada tindakan memajukan subsidi bermula 1 November adalah untuk mengurangkan pengeluaran ketuisan subsidi yang terutamanya kepada penanam yang terutamanya kepada penanam tinggi.

Mazlina pada masa sama meminta kerajaan mempertimbangkan untuk mengelaskan harga ayam untuk kawalan termasuk pada musim perayaan. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Penamatan drastik subsidi cetus ketidakstabilan harga

PETALING JAYA: Penamatan subsidi terhadap daging ayam bakal mencetuskan ketidakstabilan harga terhadap ayam di pasaran domestik, kata ahli ekonomi Pakar Ekonomi, Universiti Pertanian Nasional Malaysia (UPNM), Dr. Nur Suraya Mohd.

Saudi berkata, ini kerana pengeluaran daging ayam dalam Malaysia adalah bergantung kepada pengeluaran daging ayam dari luar negara.

Katanya, keadaan tersebut terjadi kerana dipengaruhi oleh harga yang dikenakan semasa ada tinggi ataupun rendah terhadap daging ayam import, maka akan berlaku ketidakstabilan harga.

ga pada ayam tempatan. "Justeru itu, buat pada masa ini saya tidak melihat penanam ayam akan memberi beban langsung terhadap rakyat.

"Pengeluaran harga ayam akan menyulitkan rakyat untuk mendapatkan pemuliharaan nasional asas yang bergantung kepada pengeluaran daging ayam dari luar negara.

Tambahnya, harga ayam yang ditetapkan RM9.40 sekilogram sejak Februari tahun 2022, memudahkan rakyat membuat keputusan dalam membeli ayam.

Katanya, keadaan tersebut terjadi kerana dipengaruhi oleh harga yang dikenakan semasa ada tinggi ataupun rendah terhadap daging ayam import, maka akan berlaku ketidakstabilan harga.

Pemborong jangkakan harga ayam cecah RM11 sekilogram

GEORGE TOWN: Pemborong ayam di negeri ini menjangkakan kenaikan harga ayam tidak akan berlaku dengan mendadak menjelang musim perayaan, namun harga ayam di pasaran domestik akan meningkat.

Mohd. Shaf Yaacob berkata, walaupun penanam subsidi itu diumumkan dalam tempoh beberapa minggu, namun harga ayam akan meningkat.

"Kami ingatkan penanam subsidi ini bermula tahun depan, kami tidak sangka ia akan berlaku sekarang. Kami telah bincang dengan penanam ayam.

"Bermula esok selepas ketiadaan subsidi, ladang ayam akan mengawal satu masa. Harga ayam akan kembali ke pasaran," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Kedah (Cape) menyifatkan tindakan kerajaan mengupayakan harga ayam bermula esok, sebagai langkah drastik dan tidak wajar.

Menurut Pengerusinya, Mohamad Yusoff Yusoff, tindakan itu dikuatirinya mengakibatkan kenaikan harga sumber protein itu di pasaran ekoran penanam yang terpaksa membayar kos ternakan yang tinggi.

"Kerjasama pengguna harga barang akan naik sedikit demi sedikit disebabkan penanam ayam pemborong akan dikenakan. Sekarang, hujung tahun, penanam ayam selalunya tinggi kerana cuti sekolah dan musim perayaan.

"Bekerja hari lagi akan tiba. Penanam akan menaikkan harga ayam akan turut tinggi. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya. Kita jang akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

1/11/2023

BERITA

NASIONAL

14

HARIAN

Harga ayam di Johor kembali paras siling

Peniaga yakin penamatan subsidi stabilkan harga berikutan bekalan mencukupi

Oleh Mohamed Farid Noh,
dinas@berita-harian.com.my

Johor Bharu: Setelah sebulan penamatan subsidi bekalan ayam kembali ke paras siling, peniaga yakin harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.



Peniaga ayam di Johor Bharu.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Pantau pengeluaran, pembekalan pastikan tiada aktiviti pencatutan

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memantau pengeluaran dan pembekalan ayam dengan ketat untuk memastikan tiada aktiviti pencatutan. Kerajaan perlu memantau pengeluaran dan pembekalan ayam dengan ketat untuk memastikan tiada aktiviti pencatutan.

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memantau pengeluaran dan pembekalan ayam dengan ketat untuk memastikan tiada aktiviti pencatutan. Kerajaan perlu memantau pengeluaran dan pembekalan ayam dengan ketat untuk memastikan tiada aktiviti pencatutan.

Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi

Oleh Kim Leng,
prof@berita-harian.com.my

Langkah diambil kerajaan itu perlu bagi mengurangkan beban kewangan ditanggung kerajaan

Oleh Kim Leng,
prof@berita-harian.com.my

Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi. Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi.

Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi. Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi.

Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi. Pengguna harus merancang harga pasaran berubah-ubah sama seperti barang dan perkhidmatan lain dalam ekonomi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi. Peniaga ayam di Johor Bharu berkata, harga ayam akan stabil kerana bekalan mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2023	SINAR HARIAN	PADANG TERAP	27

Cubaan seludup sosej babi gagal

Penahanan cegah wabak ASF dan tangani makanan halal bercampur produk tidak halal

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
PADANG TERAP



Pemeriksaan Maqis menemui 240kg daging termasuk sosej babi sebelum ditahan untuk tindakan lanjut.



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sebuah lori membawa barangan seperti sosej babi dan ayam, bebola ikan, kek ikan serta hasil pertanian kerana tidak mempunyai permit import sah.

Pengarah Maqis Kedah, Hisham Abu Bakar berkata, lori terbabit ditahan di Kompleks Imigresen, Kastam dan

Kuarantin (ICQS) Kota Putra, Durian Burung di sini, jam 6 petang pada Rabu lalu.

"Pemeriksaan menemui 240 kilogram (kg) daging babi dan produk hasil daging dianggarkan bernilai RM3,000.

"Penahanan ini bertujuan

mengawal kemasan produk babi bagi mencegah penyebaran wabak African Swine Fever (ASF) dan juga menangani kemasan komoditi agro makanan bercampur dengan produk tidak halal," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Hisham berkata, tindakan pe-

nguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan bagi memastikan keselamatan biosekuriti makanan negara bebas daripada perosak dan penyakit.

"Langkah ini dilakukan bagi memastikan semua pihak mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.



Produk halal dan tidak halal bercampur dalam bekas sama ketika pemeriksaan di ICQS Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.

1/11/2023

BERITA

BISNES

25

HARIAN

Dana Agrobank pastikan bekalan harga ayam stabil

Pembiayaan modal sehingga RM5 juta bagi membantu penternak

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Agrobank serius untuk memastikan status bekalan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membahayakan rakyat serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantauan bekalan.

Isa susulan pendekatan penyarsan semula subsidi secara berfasa bagi penamatan subsidi dan kawalan harga ayam bermula hari ini yang diumumkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sehubungan itu, Agrobank proaktif menyediakan dana pembiayaan sehingga RM550,000 untuk penternak komuniti dan mikro, manakala dana pembiayaan sehingga RM5 juta turut disediakan untuk penternak kecil dan sederhana.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan modal tetap kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana serta Skim Mikro Kredit dalam



Kerajaan memberi jaminan bahawa penjualan ayam akan berada di bawah harga siling selepas subsidi dan kawalan ditamatkan sepenuhnya hari ini. (Foto: Hassan)

bentuk pembiayaan modal pusnangan buat penternak komuniti. "Pembiayaan ini termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembilan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana bakal menikmati kadar keuntungan sehingga tiga peratus setahun mengikut baki bulanan.

"Matlamat program ini antara lain adalah untuk meningkatkan akses bekalan ayam secara terus daripada penternak kepada penborong dan peruncit di pasaran. "Program ini juga membolehkan pengusaha beralih kepada teknik pemeliharaan lebih cekap, yang mana ia

sa sektor agromakanan terutama dalam industri penternakan ayam di Malaysia demi peningkatan dan kemampuan keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bagaimanapun berkata subsidi dan kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Bellau berkata, penamatan subsidi ayam mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam sudah mulai stabil.

"Penamatan harga kawalan ayam menyokong kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan, selain dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosioekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

"Kerajaan akan memastikan harga jualan bagi ayam yang diapungkan akan terus berada pada kadar munasabah. Kalau naik mendadak, kita akan tanya kenapa, sebab bekalannya cukup," katanya pada satu sidang media kelmarin.

Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan modal tetap kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana



Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

Agrobank sedia dana bantu penternak tambah bekalan

Bekerjasama dengan KPKM sedia pembiayaan modal kerja dan tetap kepada penternak kecil, sederhana

Oleh **DIANA AZIS**
SHAH ALAM

Agrobank menyediakan dana pembiayaan sehingga RM350,000 khusus kepada penternak komuniti dan mikro di samping pembiayaan sehingga RM5 juta kepada penternak kecil dan sederhana.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyediakan pembiayaan modal tetap kepada penternak kecil dan sederhana, serta Skim Mikro Kredit dalam bentuk pembiayaan modal pusingan buat penternak komuniti.

Bellau menjelaskan, pembiayaan tersebut termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

"Dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembilan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana masing-masing bakal menikmati kadar keuntungan sehingga tiga peratus setahun mengikut baki bulanan.

"Mata untuk program ini untuk meningkatkan akses bekalan ayam secara terus daripada penternak kepada peruncit borong dan peruncit di pasaran.

"Program ini juga membolehkan pengusaha berahil kepada teknik pemeliharaan yang lebih cekap dan secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti ladang, mengurangkan kos pengeluaran selain harga ayam ber-



Pembiayaan disediakan Agrobank membolehkan penternak ayam menambah produktiviti dan mengurangkan kos, seterusnya berupaya menawarkan harga lebih baik kepada pasaran.

patutan dapat ditawarkan kekal stabil dan tidak membebankan rakyat serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantaian bekalan.

Tengku Ahmad Badli Shah menjelaskan, Agrobank bertekad memastikan status bekalan harga ayam di ladang pihaknya akan terus memberi

kerjasama melalui KPKM bagi memperkasa sektor agromakanan, terutama dalam industri penternakan ayam bagi memastikan peningkatan, keselamatan, serta ketenteraman makanan negara.

GALAK PENTERNAK TAMBAH BEKALAN AYAM

Agrobank sedia dana RM350,000

Kuala Lumpur

Agrobank menyediakan pembiayaan sehingga RM350,000 untuk penternak komuniti dan mikro, manakala dana pembiayaannya sehingga RM5 juta turut disediakan buat penternak kecil dan sederhana.

Langkah berkenaan diambil selaras pendekatan penyusunan semula subsidi secara berfasa bagi penamatan subsidi dan kawalan harga ayam bermula hari ini yang diumumkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sehubungan itu, Agrobank memandang serius dalam memastikan status bekalan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membekalkan rakyat serta ti-

dak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantaian bekalan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad

Badli Shah Ahmad Hussin berkata, Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan modal tetap ke- pada penternak

bersaiz kecil dan sederhana serta Skim Mikro Kredit dalam bentuk pembiayaan modal pusingan buat penternak komuniti.

"Pembiayaan ini termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

"Dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembi-

lan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana masing-masing bakal menikmati kadar keuntungan sehingga 3.0 peratus setahun mengikut baki bu- lanan," katanya dalam ke- nyataan.

Menurutnya, matlamat program ini antara lain adalah untuk meningkatkan akses bekalan ayam se- cara terus daripada penternak kepada pemborong dan peruncit di pasaran.

"Program ini juga mem- bolehkan pengusaha untuk beralih kepada teknik pe- meliharaan yang lebih ce- kap, yang mana ia secara tidak langsung dapat me- ningkatkan produktiviti la- dang, mengurangkan kos pengeluaran dan akhirnya harga ayam yang berpa- tutan dapat ditawarkan ke- pada pasaran," katanya.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	25

Petani Perak rugi lebih RM287,000 akibat ribut, banjir

TAIPING - Petani di Perak merekodkan kerugian lebih RM287,000 akibat bencana ribut dan banjir yang melanda sejak Januari lalu.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, jumlah itu membabitkan kerosakan ladang pelbagai jenis komoditi pertanian dan tanaman padi seluas lebih 37 hektar.

Menurutnya, kesemua kerosakan dan kerugian tersebut telah dilaporkan kepada Jabatan Pertanian negeri bagi permohonan bantuan di bawah Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) serta Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

"Setakat Oktober, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian telah meluluskan 19 permohonan bantuan bencana melibatkan nilai lebih RM60,000.

"Ada antara permohonan ini telah pun selesai diserahkan kepada petani terlibat manakala sebahagiannya dalam proses pengedaran input," katanya ke-



Mohd Zolkafly (dua dari kanan) menyampaikan bekalan sayuran percuma kepada pengunjung yang hadir sempena Hari Ladang Daerah Larut Matang Selama (LMS) dan Pelancaran Kempen Makan Sayur-sayuran pada Selasa.

pada pemberita selepas merasmikan Hari Ladang Daerah Larut Matang Selama (LMS) dan Pelancaran Kempen Makan Sayur-sayuran peringkat negeri Perak di Pejabat Pertanian Daerah LMS, dekat sini pada Selasa.

Tambah Mohd Zolkafly, berdasarkan rekod, banjir yang melanda di Hulu Perak,

Hilir Perak, LMS, Kerian dan Perak Tengah telah mengakibatkan kemusnahan tanaman antaranya padi, jagung, tembakai, pisang dan serai.

Jelasnya, di sesetengah kawasan, kerosakan yang dialami akibat kemusnahan itu mencecah RM28,000 hingga RM184,000.